

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### Kadar pengangguran terus menyusut

# Kadar pengangguran terus menyusut

**Bilangan** penganggur terus menurun kepada 579,200 orang pada Julai 2023, mencatatkan kadar pengangguran 3.4 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pasaran buruh dilihat berkembang secara sederhana, merekodkan bilangan penduduk bekerja yang semakin meningkat, manakala bilangan pengangguran menurun.

"Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada Julai 2023 naik sebanyak 0.1 peratus kepada 16.91 juta orang berbanding 16.89 juta orang pada Jun, mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi pada bulan itu, iaitu pada 70.1 peratus," katanya dalam satu kenyataan diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Beliau berkata, bilangan penduduk bekerja pada Julai 2023 mencatatkan trend menaik yang berterusan, dengan peningkatan 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 16.34 juta orang, manakala bilangan penganggur pada bulan itu terus menurun, berkurang 0.4 peratus.

"Kadar pengangguran Julai ke-

kal pada 3.4 peratus seperti pada bulan sebelumnya," katanya.

Mengenai kedudukan guna tenaga, Mohd Uzir berkata, kategori pekerja yang secara konsisten membentuk komposisi terbesar penduduk bekerja, merangkumi peratus sumbangan sebanyak 75.4 peratus.

Beliau berkata, kategori ini mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.31 juta orang.

"Begitu juga, penduduk bekerja sendiri turut berada dalam trend meningkat, dengan kenaikan sebanyak 0.4 peratus merekodkan 2.96 juta," katanya.

#### Pengangguran belia turun

Dari segi sektor ekonomi, Mohd Uzir berkata, bahawa perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan & minuman; perdagangan, borong & runcit dan pendidikan.

"Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor pembinaan dan perlombongan & pengkuarian juga kekal dalam trend positif, manakala sektor pembuatan dan pertanian merekodkan penurunan sedikit pada bulan itu," katanya.

Pada Julai, kadar penganggu-

ran bagi belia berusia 15 hingga 24 tahun turun 0.1 mata peratus kepada 10.9 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 311,200 orang.

Kadar pengangguran bagi belia berusia 15 hingga 30 tahun juga turun 0.1 mata peratus kepada 6.8 peratus, merekodkan 444,800 penganggur belia.

Bagi kumpulan tidak aktif pula, bilangan penduduk di luar tenaga buruh turun sedikit, iaitu 0.01 peratus kepada 7.23 juta pada Julai 2023.

DOSM berkata, kedudukan tenaga buruh negara dijangka kekal positif dan berkembang secara sederhana pada bulan seterusnya berikutan prospek ekonomi jangka pendek Malaysia diramal menyederhana pada bulan-bulan yang akan datang.

Katanya, ia selaras dengan jangkaan perniagaan yang positif pada suku tahun ketiga, yang disokong oleh ketabilan pasaran buruh, peningkatan dalam pelancongan domestik dan prospek lebih optimistik dalam industri pelancongan kesihatan.

**“Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan & minuman; perdagangan borong & runcit dan pendidikan”**

**Mohd Uzir Mahidin,**  
*Ketua Perangkawan Malaysia*

